



## **PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN**

**PGT 224 : KADEAH MENGAJAR SEJARAH 1**

**SEMESTER II**

**SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

### **RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN**

#### **DISEDIAKAN OLEH:**

<b>NAMA AHLI KUMPULAN</b>	<b>NO. MATRIK</b>
MUHAMMAD HAFIZUDIN BIN MUHAMAD	141607
MUHAMMAD ARIF AKHBAR BIN ABD RAZAK	140773
MUHAMMAD AFIQ HAKIMI BIN NOOR ZAINI	142763
NUR ANIS SUHAILA BT ABDUL SANI	142631
NORFADILA BINTI HASSAN	141044

#### **DISEDIAKAN UNTUK:**

**DR. MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL**

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Tingkatan	3 Harmoni.
Modul	Kemahiran Membaca.
Tema	Tema 1. Suluh Masa Depan (m/s 1)
Tajuk	Berkreativiti di Alam Simponi (m/s 4)
Standard Kandungan (SK)	2.1 Membaca secara mekanis pelbagai bahan prosa dan puisi.
Standard Pembelajaran (SP)	2.1.1 Membaca dan memahami laras bahasa sesuatu laporan dan berita dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepentasan yang wajar.
Objektif Pembelajaran (OP)	Pada akhir pembelajaran: <b>OP1:</b> Murid Tingkatan 3 Harmoni dapat membaca dua bentuk laporan dan berita dengan sebutan dan intonasi yang betul. <b>OP2:</b> Murid Tingkatan 3 Harmoni dapat menganalisis dua ciri laras bahasa berita dan laras bahasa laporan berdasarkan aktiviti sketsa.
Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	Bahasa, Nilai Murni, Kreativiti dan Inovasi
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Menganalisis, Menilai, Mengaplikasi
Kemahiran Abad Ke-21 (KAK21)	Mahir Berkomunikasi, Pemikir, Kerja Sepasukan, Bermaklumat
Alat Bantu Mengajar (ABM)	Pen, Bahan bacaan, Pita rakaman suara, Kertas, Risalah laras bahasa, Keratan laporan dan Teks berita

<b>LANGKAH</b>	<b>AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>	<b>CATATAN</b>
LANGKAH 1 (Set Induksi)  3 minit	<ol style="list-style-type: none"> <li>Murid mendengar pita rakaman suara laporan berita yang dipasang oleh guru.</li> <li>Murid mencatat informasi yang didengari di atas kertas.</li> <li>Murid memberikan maklum balas kepada guru berkenaan perkara yang didengari.</li> <li>Murid diterangkan oleh guru berkaitan topik dan objektif pembelajaran pada hari tersebut.</li> </ol>	<p><b>Startegi (Pendekatan, kaedah dan teknik):</b> Pendekatan Induktif, Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Kaedah Audio-Lingual</p> <p><b>KAK21:</b> Mahir berkomunikasi, bermaklumat</p> <p><b>ABM:</b> Pita rakaman suara, Kertas A4</p>
LANGKAH 2 (Penerangan)  7 Minit	<ol style="list-style-type: none"> <li>Murid mendengar penerangan yang diberikan oleh guru berkaitan dengan tajuk pembelajaran iaitu laras bahasa, jenis dan paparan situasi.</li> <li>Murid membuat catatan berkaitan penerangan tersebut.</li> <li>Murid dipecahkan ke dalam kumpulan kecil dan ketua akan dilantik untuk aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (pdp).</li> <li>Murid memberikan kerjasama yang baik terhadap pdp.</li> <li>Murid disediakan risalah dalam bentuk laporan berita untuk panduan menjalankan aktiviti.</li> </ol>	<p><b>Strategi (Pendekatan, kaedah dan teknik):</b> Pendekatan Induktif, Pendekatan Tematik</p> <p><b>KAK21:</b> Bermaklumat</p> <p><b>ABM:</b> Laptop, slide pengajaran.</p>
LANGKAH 3 (Penerokaan)  7 minit	<ol style="list-style-type: none"> <li>Murid menjalankan aktiviti Kipas dan Pilih (<i>Fan-n-Pick</i>).</li> <li>Ketua bagi setiap kumpulan akan diminta oleh guru untuk memilih sama ada laporan atau berita daripada aktiviti Kipas dan Pilih (<i>Fan-n-Pick</i>).</li> <li>Murid kemudiannya akan membacakan dua bentuk laporan atau berita yang dipilih secara bergilir-gilir di dalam kumpulan masing-masing mengikut pembahagian perenggan yang berbeza.</li> <li>Murid dinilai dari segi pembacaan mengikut intonasi suara, sebutan dan laras bahasa yang betul.</li> </ol>	<p><b>Strategi (Pendekatan, kaedah dan teknik):</b> Pendekatan Kolaboratif, Kaedah Bacaan</p> <p><b>OP:</b> OP1</p> <p><b>EMK:</b> Bahasa, nilai murni</p> <p><b>KBAT:</b> Menilai</p> <p><b>KAK21:</b> Mahir berkomunikasi, kerja sepasukan</p> <p><b>ABM:</b> Teks berita, kertas A4, keratan laporan.</p>

<p><b>LANGKAH 4</b> (Pengembangan)</p> <p>10 min</p>	<p>(Aktiviti membaca digabungkan bersama kemahiran mendengar dan bertutur)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid akan menulis beberapa tajuk situasi seperti situasi kemalangan dan bencana alam berdasarkan aktiviti Fail Perjalanan (<i>Travelling File</i>) dan masukkannya ke dalam sebuah fail.</li> <li>2. Murid dari setiap kumpulan akan menghantar ketua untuk mencabut undi bagi mendapatkan tajuk situasi secara rawak daripada fail yang disediakan.</li> <li>3. Beberapa murid mewakili kumpulan akan melakonkan situasi selaku pembaca berita dan sebagainya berdasarkan tajuk yang telah diperolehi daripada aktiviti Fail Perjalanan (<i>Travelling File</i>).</li> <li>4. Murid lain akan cuba mengenalpasti dua ciri laras bahasa berita dan laporan yang terdapat di dalam sketsa tersebut.</li> <li>5. Murid akan dinilai oleh guru berdasarkan laras bahasa dan ciri yang diterapkan di dalam sketsa.</li> </ol>	<p><b>Startegi (Pendekatan, kaedah dan teknik):</b> Pendekatan Koperatif, Pembelajaran Konstruktivis, Teknik Drama</p> <p><b>OP:</b> OP2</p> <p><b>EMK:</b> Bahasa, nilai murni, kreativiti</p> <p><b>KBAT:</b> Mengaplikasi, Menganalisis, Menilai</p> <p><b>KAK21:</b> Pemikir, mahir berkomunikasi, kerja sepasukan, bermaklumat</p> <p><b>ABM:</b> Fail, kertas A4</p>
<p><b>LANGKAH 5</b> (Pengayaan dan Pemulihan)</p> <p>5 minit</p>	<p>Pengayaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid diberikan tugas untuk mencari tiga ciri lain yang terdapat dalam laras bahasa berita dan laporan daripada bahan ilmiah.</li> </ol>	<p><b>Strategi( Pendekatan Kaedah dan Teknik) :</b> Pembelajaran Berpusatkan Murid</p> <p><b>EMK :</b> Nilai Murni</p> <p><b>KAK21:</b> Pemikir, Bermaklumat</p>
	<p>Pemulihan: Murid diberikan nota ringkas berkenaan topik pada hari berkenaan</p>	
<p><b>LANGKAH 6</b> (Rumusan)</p> <p>5 minit</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid melakukan aktiviti teka silang kata yang dijalankan bersama guru di atas kertas.</li> <li>2. Murid menghantar aktiviti silang kata tersebut.</li> <li>3. Murid menyemak jawapan yang betul daripada guru.</li> <li>4. Murid mendengar rumusan akhir yang diberikan oleh guru berkaitan pengajaran dan pembelajaran hari berkenaan.</li> </ol>	<p><b>Strategi( Pendekatan Kaedah dan Teknik) :</b> Pendekatan Ikuiri, Pembelajaran Konstruktivisme</p> <p><b>EMK :</b> Bahasa, Nilai Murni</p> <p><b>KAK21:</b> Mahir Berkomunikasi</p>

		<b>ABM</b> : Kertas set silang kata.
--	--	--------------------------------------

## Lampiran

### 1. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 3

#### 2.0 KEMAHIRAN MEMBACA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Membaca secara mekanis pelbagai bahan prosa dan puisi.	<b>Murid boleh:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>2.1.1 Membaca dan memahami laras bahasa sesuatu laporan dan berita dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepastian yang wajar.</li> <li>2.1.2 Membaca dan memahami laras bahasa cerpen dengan sebutan, intonasi yang betul dan nada yang sesuai.</li> </ul>
2.2 Membaca untuk memahami makna perkataan, rangka kata, istilah, serta ungkapan dan ayat dalam pelbagai bahan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>2.2.1 Membaca dan menerangkan maksud istilah yang tepat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari, kamus dan tesaurus dengan betul dan tepat.</li> <li>2.2.2 Membaca dan menganalisis maklumat daripada pelbagai bentuk panduan dengan memberikan respon peribadi yang sesuai.</li> <li>2.2.3 Membaca dan memahami serta membuat ulasan keseluruhan maksud sesuatu bahan grafik.</li> </ul>
2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>2.3.1 Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.</li> </ul>
2.4 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan untuk mengukuhkan penggunaan bahasa dan meluaskan pengetahuan bagi pembangunan diri.	<ul style="list-style-type: none"> <li>2.4.1 Membaca dan memahami serta mengemukakan pendapat yang rasional tentang pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen.</li> </ul>

### 2. Tema Buku Teks Tingkatan 3



### 3. Tajuk Buku Teks

**Berkreativiti di Alam Simponi**

1. Baca berita dan laporan dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai, serta keparisan yang wajar.  
2. Analisis ciri laras bahasa berita dan laras bahasa laporan.

**Alunan Perak Orkestra Simfonik Negara**

KERKRADE, 28 Julai - Puteri negara dari Sekolah Seri Puteri sekali lagi mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih Anugerah Perak dalam 18<sup>th</sup> World Music Contest 2017 yang diadakan di sini, mulai 19 Julai hingga semalam. Dalam pertandingan itu, sebanyak 57 orang ahli Orkestra Simfonik Sekolah Seri Puteri yang dinamai SPWinds telah mempamerkan persembahan terbaik yang mereka miliki untuk meraih nama Anugerah Perak. Kegigihan dan pengorhaman yang dilakukan oleh setiap ahli Orkestra Simfonik ini dalam mengakir nama negara di peronda antarabangsa sejak jadinya dicontoh oleh semua murid.

Menurut guru penasihatnya, Puan Shahrizah binti Abdul Rashid, SPWinds telah menghabiskan puluhan tahun kerja keras dan kreativiti ahli dalam rejim latihan yang dijadualkan sepanjang tahun untuk mengasah bakat serta meningkatkan kemahiran mereka hingga dikagumi seperti pemain profesional.

"Saya yakin bahawa pendedahan kepada perandingan besar tersebut akan memberi pengalaman berharga dan pelajaran bagi murid-murid yang berinterplian dan berkepimpinan. Ciri-ciri ini selaras dengan hasrat negara yang mahu generasi muda menjadi pemangkin kepada perubahan dunia," jelas Nur Shazana Syafiqah binti Mohd. Sabri, Presiden SPWinds.

Sumber:

**Laporan Pencapaian Tertinggi Tahun 2015 - 2017**  
**Orkestra Simfonik Sekolah Seri Puteri**

Orkestra Simfonik Sekolah Seri Puteri, atau lebih dikenali sebagai Seri Puteri Symphonic Winds (SPWinds), dianggotai oleh 99 orang murid dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Sejak ditubuhkan pada tahun 1976, SPWinds merupakan antara pasukan orkestra yang terbaik di Malaysia.

Sabah tahun ini, SPWinds telah menyertai pelbagai acara persembahan dan pertandingan sama ada pada peringkat negeri, kebangsaan, maupun antarabangsa. Yang berikut ialah pencapaian tertinggi SPWinds bagi tahun 2015 - 2017.

**2015**

- Anugerah Gangsa dalam *New York Wind Band Festival* di Carnegie Hall, New York, Amerika Syarikat pada 9 Mac 2015.
- Diketiraf oleh *Malaysia Book of Records* sebagai *First Malaysian Government Residential School to Win Silver Award at The New York Wind Band Festival*. (NYWBF2015).

**2016**

- Anugerah Emas di *Los Angeles International Music Festival* 2016. Kemenangan julung kali oleh orkestra dari Malaysia ini telah diumumkan pada 21 Jun 2016 di *Walt Disney Concert Hall*, Los Angeles.

**2017**

- Anugerah Perak dalam 18<sup>th</sup> *World Music Contest* 2017 di Kerkrade, Netherlands.

Secara keseluruhannya, setiap ahli perlu lebih kreatif dan berbudaya kerja positif dengan memaksimumkan kelayakan diri dalam persembahan mereka, sebagai duta kebangsaan dalam persembahan muzik. SPWinds perlu sentiasa mempamerkan persembahan yang segar, berkualiti, dan menarik johkan demi mengharumkan nama negara di peronda dunia. Mudah-mudahan SPWinds bertambah maju jaya.

Dilaporkan oleh:  
**Aisyah**  
(AISYAH BINTI AHMAD FATHI)  
Setiausaha Orkestra Simfonik,  
Sekolah Seri Puteri.

25 JANUARI 2017


(Sumber: Sekolah Seri Puteri)

**2.1.1 Membaca dan memahami laras bahasa sesuatu laporan dan berita dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta keparisan yang wajar.**

**Terokai maklumat tentang cara penulisan laporan minit mesyuarat berserta dengan contohnya.**

**5**  
**KPM**

#### 4. Teka Silang Kata



Nama : \_\_\_\_\_

Kelas : \_\_\_\_\_

#### 5. Contoh Laporan Berita

### Contoh Teks Berita

KUALA LUMPUR , 24 Mac - Sepasukan polis telah berjaya menumpaskan satu sindiket mencuri kereta di sekitar bandar raya. Pihak polis berjaya mengesan beberapa kereta curi hasil daripada serbuan tersebut.

Jurucakap polis menyatakan bahawa siasatan mengenai sindiket itu dibuat beberapa minggu yang lalu. Menurut jurucakap itu lagi, beberapa orang telah ditahan untuk siasatan lanjut.

Hasil daripada maklumat orang ramai, pasukan polis telah membuat serbuan di sebuah bengkel membaki kereta di Jalan Ipoh. Lima orang ditahan dalam serbuan itu.

Seorang daripadanya dipercayai pakar mekanik

Polis menjumpai kepingan-kepingan pintu yang dicuri. Beberapa plat nombor kereta palsu dijumpai juga di bengkel tersebut.

Sementara itu, gerakan sedang dijalankan oleh polis untuk mencari seorang lelaki yang bernama Ah Chong. Dia dapat membantu polis untuk memusnahkan sindiket tersebut. Orang ramai diminta tampil ke hadapan sekiranya mempunyai maklumat tentang lelaki berkenaan.

6. Fail Perjalanan (*Travelling File*)

